

Yang seorang tidak hiraukan tanda tanya orang lain tentang mengapa bidang Matematik menjadi pilihan pengajiannya. Yang seorang lagi pula menggagahi ujian keluarga, dengan ibu yang disayangi pernah mengharungi derita penyakit ginjal kronik sebelum bedah pindah ginjal dijalani hasil derma buah pinggang ayahnya sendiri. Dengan pencapaian cemerlang, kededuanya berjaya menerima biasiswa daripada Institut Pengurusan Singapura (SIM) baru-baru ini. Wartawan HARYANI ISMAIL (haryani@sph.com.sg) melaporkan.

Cinta matematik lenyapkan fobia, malah bawa jaya

MATEMATIK bukanlah mata pelajaran yang dekat di hati Encik Abdul Haris Jameel ketika di sekolah rendah dan menengah.

Gred sederhana B atau C sering diperolehi kerana beliau payah memahami aplikasi dan formula yang diperlukan bagi menghurai soalan yang diajukan dalam peperiksaan.

Namun, semangatnya mencintai subjek itu hingga ke hari ini berkobar-kobar setelah mengikuti modul matematik yang lebih mudah dihadam hasil perkongsian berkesan pensyarah di Politeknik Singapura (SP), Dr Edna Chan.

Kaedah Dr Chan memudahkan Encik Abdul Haris, seorang lulusan kejuruteraan kelautan daripada SP, menyelongkar kesulitan soalan matematik dengan kembali pada konsep asas memahami apa yang perlu dihurai.

Setelah meraih ijazah Kepujian Kelas Pertama bagi kursus Sarjana Muda Sains dalam Matematik dan Ekonomi daripada SIM Global Education-Universiti London (UOL) baru-baru ini, beliau menerima Biasiswa Possiswazah Institut Pengurusan Singapura (SIM) pula.

Encik Abdul Haris, 28 tahun, adalah antara dua pelajar possiswazah yang dianugerahkan biasiswa tanpa ikatan bon ini.

Biasiswa K M Eu yang bernilai sehingga \$100,000 itu mengambil nama pemimpin pengasas SIM yang menyumbang kepada pembangunan pengurusan dan pendidikan di Singapura.

Anak sulung dalam keluarga tiga beradik ini akan meneruskan pengajian Sarjana Sains dalam Statistik dan Kebarangkalian Gunaan di Universiti Nottingham di Britain.

Ketika ditemui wartawan di pejabat *Berita Harian* baru-baru ini, Encik Abdul Haris yang memberi tuisyen matematik di Mendaki Sense, berkata:

“Sebenarnya, matematik tidak sesulit mana asal sahaja anda memahami apa yang perlu dihurai. Ramai yang teruja ingin tahu mengapa saya ingin selami dunia matematik sedangkan ramai di luar sana menganggapnya bidang yang rumit.

“Setelah belajar daripada Dr Chan di SP, saya merasakan bahawa segalanya hanya terletak di minda.

“Kita tidak perlukan kebijaksanaan untuk menguasai matematik. Saya sendiri pelajar sederhana tetapi berusaha memesrakan diri dengan subjek ini.

“Kalau kita setakat berlatih dan menghafal formula tanpa memahami konsep asas matematik, tiada gunanya segala susah payah yang dihadapi.

“Bagi mencapai markah cemerlang, kita bukan sahaja harus bekerja keras, malah belajar dengan bijak.”



MISI SEBAR CINTA MATEMATIK: Encik Abdul Haris Jameel, yang menerima biasiswa possiswazah SIM bagi meneruskan pengajian Sarjana Statistik dan Kebarangkalian Gunaan di Universiti Nottingham, ingin membetulkan tanggapan bahawa matematik adalah subjek sukar buat pelajar bijak sahaja. – Foto-foto BH oleh HARYANI ISMAIL